

bahagian iv
Redah

Tiada siapa boleh menduga apa yang akan berlaku dalam setiap gerak kehidupan. Sewaktu kecil alam sekeliling adalah realiti seaslinya. Setiap langkah perlu diredah sejujurnya kerana ruang itu memang untuk diredah. Kalau sakit menangis, kalau gembira ketawa, kalau kurang pasti berhenti seketika, kalau takut menyorok, kalau marah, marah! Kalau merajuk, tidak mengapa. Hitam dan putih adalah warna yang sangat ketara maknanya. Apabila meningkat dewasa, sudah memahami erti percintaan, kekecewaan, kebebasan dan kepura-puraan, lorong-lorong yang diredah semakin semak. Terasa betapa terdera apabila dikawal, dan duka terus menerus mengiringi kehidupan, seolah-olah kebebasan itu adalah segala-galanya tanpa menyedari setiap kelahiran itu diringi dengan had dan batas yang ditetapkan. Ketidaksedaran inilah menjadikan manusia bertingkah seperti alam ini hanya dihuni sendiri-sendiri... sendirian. Sajak-sajak dalam bahagian ini menghamparkan kisah alam dan manusia yang seadanya itu.

burung

aku ingin bersamamu
ke awan
ke gunung
ke lembah
bersenda-gurau di lurah-lurah

aku ingin ke hatimu
ke sayapmu
dengan hati sendiri
tanpa siapa peduli

jangan bertanya
ke mana
jangan meragunya
mengapa

burung
beri aku kepakmu
untukku legari buana
beri aku paruhmu
untuk pemutus rantai besi di kakimu

burung
kita terbanglah bersama
bercinta dengan bunga-bunga
mendakap daun-daun
mencumbu ikan-ikan di danau
pedulikan pada manusia
yang cintanya berbiasa
burung